

Markah penuh : 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 6 markah

Soalan 5 : 4 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata penguat, kata bilangan dan kata bantu yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata penguat, kata bilangan dan kata bantu tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. **Calon meniru/menyalin sebahagian atau keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan – 0 markah.**
7. Ayat digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa – 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih - 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas – 0 markah
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan markah yang diperoleh.

SOALAN 1: MORFOLOGI

| BIL | KATA PENGUAT | AYAT |
|------------|---------------------|---|
| (i) | amat | Zulaika amat menyayangi kedua-dua ibu bapa angkatnya kerana mereka melayannya dengan baik. |
| (ii) | sangat | Yusuf sangat pandai menghormati orang yang lebih tua walaupun umurnya baru lima tahun. |
| (iii) | semakin | Perasaan rindu akan ibu bapanya semakin kuat apabila menjelang Hari Raya. |

| BIL | KATA BILANGAN | AYAT |
|------------|----------------------|--|
| (i) | kebanyakan | Kebanyakan hasil kraf tangan kaum Iban diperbuat daripada manik |
| (ii) | para | Ayah menyambut dan berbual dengan para tetamu yang hadir dalam majlis perkahwinan kakak. |
| (iii) | satu | Penghinaan kepada Rasulullah SAW sebenarnya perlu dirasakan sebagai satu penghinaan kepada umat Islam seluruhnya. |

| BIL | KATA BANTU | AYAT |
|------------|-------------------|---|
| (i) | perlu | Pengawas perlu memastikan semua calon mengisi maklumat dengan lengkap. |
| (ii) | masih | Almari usang itu masih boleh digunakan sekiranya dijaga dengan baik. |
| (iii) | boleh | Penyalahgunaan dadah boleh dikenakan hukuman gantung sampai mati. |

| | | |
|------|-------|---|
| (iv) | harus | Mereka harus berjuang untuk terus hidup |
| (v) | dapat | Nazrul dapat menyiapkan tugas itu dengan cepat kerana dibantu oleh emak. |

[6 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS**Pisahkan ayat majmuk kepada enam ayat tunggal**

| | |
|-------|--|
| (i) | Malaysia berpotensi menjadi destinasi pelancongan. |
| (ii) | Malaysia destinasi pelancongan terkemuka di rantau Asia. |
| (iii) | Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan bagi menarik para pelancong datang ke negara ini. |
| (iv) | Pelbagai usaha telah dijalankan oleh agensi swasta bagi menarik para pelancong datang ke negara ini. |
| (v) | Usaha yang dilakukan termasuklah mengadakan jualan mega setiap tiga bulan sekali. |
| (vi) | Usaha yang dilakukan termasuklah memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan. |

[6 markah]

SOALAN 3 – KESALAHAN BAHASA

| BIL | KESALAHAN BAHASA | PEMBETULAN |
|------------|-------------------------|-------------------|
| (i) | pepaduan | perpaduan |
| (ii) | di dalam | dalam |
| (iii) | diri | hati/padu |
| (iv) | apa | apa-apa |
| (v) | digaris | digariskan |
| (vi) | pesonaliti | personaliti |
| (vii) | tingkahlaku | tingkah laku |
| (viii) | ke-lima | kelima |
| (ix) | warga negara | warganegara |
| (x) | Pelanggaran | Pelanggaran |
| (xi) | selama-lama | lama-kelamaan |
| (xii) | hasad-dengki | hasad dengki |

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4

| Deskripsi |
|--|
| -Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis |
| -Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis |

| |
|---|
| |
| -Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis |
| -Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis |
| -Ayat disalin bulat-bulat / Isi tidak mengikut urutan / salah fakta |

SOALAN 4 – BAHASA MELAYU STANDARD

Lalu, berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Di dalam hati baginda, “Tun Perak ini tidak sepatutnya menjadi bentara lagi, sepatutnya menjadi Perdana Menteri.”

Tun Perak digelar oleh baginda Paduka Raja, diminta duduk di seri balai sama kedudukannya/setara dengan Seri Nara Diraja. Lalu Paduka Raja pun naik dan duduk di sebelah Seri Nara Diraja, lalu Seri Nara Diraja bergerak sedikit/berkisar ke tengah.

[6 markah]

SOALAN 5 – PERIBAHASA

| BIL | PERIBAHASA |
|-------|---|
| (i) | alah bisa tegal biasa |
| (ii) | bertanggung itu pencuri masa |
| (iii) | di mana ada kemahuan, di situ ada jalan |

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN (35 MARKAH)

SOALAN 6 – PETIKAN UMUM

| BIL | JAWAPAN | |
|-----|---|-----|
| (i) | <i>dapat membiak</i> bermaksud menjadi semakin banyak | 2 m |

| | | |
|-------|---|---|
| | -boleh berkembang | 1 m |
| (ii) | <p>Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, tujuan utama mereka sanggup melakukan aktiviti tersebut adalah:</p> <p>Bahan 1</p> <p>-mengurangkan pencemaran alam sekali gus memastikan hidupan laut dapat membiak pada masa depan</p> <p>Bahan 2</p> <p>-membantu petugas barisan hadapan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.</p> <p style="text-align: right;">[Isi cukup : 2 isi] [maksimum : 3 markah]</p> <p>NOTA : (isi cukup : 2 isi) Jawapan hendaklah dari Bahan 1 dan Bahan 2</p> | <p>1 m</p> <p>1 m</p> |
| (iii) | <p>Pada pendapat saya, impaknya sekiranya aktiviti kesukarelawanan menjadi amalan seluruh rakyat Malaysia adalah:</p> <p>-memberikan kesedaran kepada masyarakat</p> <p>-melahirkan individu yang penuh empati</p> <p>-memupuk perpaduan antara masyarakat</p> <p>-melahirkan masyarakat yang penyayang</p> <p>-mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah</p> <p>-membentuk peribadi yang mulia</p> <p style="text-align: right;">[isi cukup : 2 isi] [maksimum : 3 markah]</p> | <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> |
| (iv) | Sebagai rakan yang bertanggungjawab, usaha-usaha saya untuk menggalakkan rakan saya menyertai aktiviti kesukarelawanan adalah: | |

| | | |
|--|---|-----|
| | -memberikan imbuhan kepada beliau sekiranya menyertai aktiviti sukarela | 1 m |
| | -memberitahu kepada rakan saya aktiviti kesukarelawanan memberi banyak faedah seperti mengeratkan silaturrahim dan menimbulkan empati dalam diri. | 1 m |
| | -Beliau dapat mengisi masa terluang dengan aktiviti berfaedah | 1 m |
| | [isi cukup : 3 isi] [maksimum : 4 markah] | |
| | Jawapan lain yang sesuai juga diterima | |

[12 markah]

SOALAN 7 – PETIKAN SASTERA

| BIL | JAWAPAN | |
|------------|---|-----|
| (i) | Berdasarkan Bahan 2, <i>berderai kecil</i> bermaksud pecah halus-halus | 2 m |
| | -hancur | 1 m |
| (ii) | Berdasarkan semua bahan, nasihat atau penerangan yang boleh menyedarkan orang yang lebih muda agar boleh menyedarkan mereka adalah: | |
| | Bahan 1 | |
| | -Pak Haji menyuruh Azmir mengucap | 1 m |
| | Bahan 2 | |
| | -epal-epal ini sangat bererti. Kebun ini pusaka. Nostalgia. Nenek moyang kalianlah yang mempertahankannya. | 1 m |
| | Bahan 3 | |
| | -bacalah buku selalu | 1 m |

| | | |
|-------|---|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> -kukuhkan diri dengan ilmu -pilihlah kawan yang mulia hati -tolaklah kawan pementing diri -pilihlah kawan yang punya petunjuk -tolaklah kawan yang mempunyai tabiat buruk <p style="text-align: right;">[isi cukup : 3 isi] [maksimum: 4 markah]</p> <p>NOTA : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan</p> | <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> |
| (iii) | <p>Pada pendapat saya, kita perlu memberikan perhatian terhadap nasihat ibu bapa adalah :</p> <ul style="list-style-type: none"> -kerana mereka sudah mempunyai banyak pengalaman dalam hidup -nasihat ibu bapa boleh dijadikan pedoman untuk mendapatkan kebaikan, kejayaan dan kebahagiaan -menguatkan ikatan ibu bapa dan anak -tuntutan agama yang mengajar kita patuh pada nasihat ibu bapa <p style="text-align: right;">[isi cukup: 2 isi] [maksimum : 3 markah]</p> | <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> |

| | | |
|------|--|--|
| (iv) | <p>Cara saya meluahkan idea saya apabila menghadapi masalah perbezaan pendapat dengan ibu bapa saya adalah:</p> <p>-ajak ibu atau bapa atau kedua-duanya duduk bersama dan luahkan mengenai masalah dialami. 1 m</p> <p>-jangan bercakap kasar dan banyakkkan meminta maaf sepanjang perbincangan 1 m</p> <p>-bawa ibu bapa pergi bercuti dan dalam masa yang sama luahkan apa yang anda rasa 1 m</p> <p>-minta pendapat mereka dan nyatakan pendirian dengan baik dan jelas 1 m</p> <p style="text-align: right;">[isi cukup : 3 isi] [maksimum : 4 markah]</p> | |
|------|--|--|

[13 markah]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

- (a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi / fakta / peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi ulasan / huraian yang lengkap / jelas.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah.
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah , diberi secara gambaran seluruh.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 6 markah]

SOALAN 8 – PETIKAN NOVEL

| BIL | JAWAPAN | |
|------------|---|---|
| (i) | <p>Ciri-ciri reka bentuk Balai Cerap Sultan Salahuddin adalah :</p> <ul style="list-style-type: none"> -diinspirasikan oleh rumah api Almnara, Somalia -menonjolkan reka bentuk kubah yang lazim digunakan oleh banyak bangunan balai cerap lain -menambah sebuah platform yang mengelilingi kubah tersebut -platform itu mempunyai ketinggian 50 meter dari tapak balai cerap tersebut. <p style="text-align: right;">[isi cukup : 3 isi] [maksimum : 4 markah]</p> | <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> |
| (ii) | <p>Peristiwa-peristiwa yang menunjukkan novel ini sesuai dibaca oleh pembaca ialah:</p> <p>NOVEL PANTAI KASIH</p> <ul style="list-style-type: none"> -Peristiwa Doktor Raiha menghadapi kematian anak tunggalnya, Rohayu dalam kebakaran kereta dan dalam masa yang sama menghadapi sikap suaminya, Doktor Sadiz . Novel ini sesuai dibaca kerana temanya berkait dengan ketabahan seorang wanita dalam menghadapi cabaran dan tekanan hidup. -Peristiwa Doktor Raiha bertanggungjawab melakukan pembedahan penggantian sendi tulang pinggul terhadap Unong Siron dan selalu memeriksa keadaan pesakit di wad untuk memastikan pesakit tidak mengalami komplikasi selepas pembedahan. Novel ini sesuai dibaca kerana menunjukkan keistimewaan watak Doktor Raiha yang begitu bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan pesakitnya tanpa mengira status. -Peristiwa Doktor Raiha memaafkan Felicia yang bersubahat dalam peristiwa kebakaran kereta Doktor Sadiz sehingga mengorbankan nyawa anaknya, Rohayu. Novel ini sesuai dibaca kerana seharusnya kita memaafkan kesalahan orang lain walaupun melibatkan nyawa . | <p>2 m</p> <p>2 m</p> <p>2 m</p> |

| | | |
|--|---|----------------------------------|
| | <p>NOVEL BIMASAKTI MENARI</p> <p>-Peristiwa Nurul Hafsa berpendapat bahawa pembangunan yang tidak dirancang dengan telitinya di Kuala Selangor akan memberikan kesan yang buruk terhadap alam sekitar. Novel ini sesuai dibaca kerana menunjukkan watak utama yang berpandangan jauh dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.</p> <p>-Peristiwa Nurul Hafsa dapat mematahkan hujah Dato' Johann Arlington-Majid sewaktu pembentangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor. Novel ini sesuai dibaca kerana menunjukkan kita seharusnya bijak berhujah sehingga mampu mematahkan hujah pihak lawan khususnya dalam menegakkan kebenaran.</p> <p>-Peristiwa Nurul Hafsa ketika menghadapi pelbagai dugaan untuk melaksanakan cita-citanya, iaitu menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap. Novel ini sesuai dibaca kerana menunjukkan kita seharusnya tabah dalam menghadapi rintangan dan cabaran dalam merealisasikan cita-cita kita.</p> <p style="text-align: right;">[isi cukup : 2 isi dan 2 huraian] [maksimum : 6 markah]</p> <p>Terima juga jawapan lain yang sesuai</p> | <p>2 m</p> <p>2 m</p> <p>2 m</p> |
|--|---|----------------------------------|

[10 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN (30 MARKAH)
SOALAN 9 – RUMUSAN

TUGASAN SOALAN

- (i) Anda perlu menulis rumusan tentang Bahan 1 – petikan , Bahan 2 – sajak
- (ii) Fokus 1 soalan ialah membincangkan kepentingan amalan berbudi bahasa , fokus 2 ialah kesan-kesan tidak mengamalkan nilai-nilai murni dan fokus 3 ialah langkah-langkah memupuk amalan berbudi bahasa.
- (iii) Asas Pembahagian Markah

| | |
|---------------------------|------------------|
| Pendahuluan | 2 markah |
| Isi-isi Tersurat (8 ISI) | 16 markah |
| Kesimpulan | 2 markah |
| Bahasa | 10 markah |
| JUMLAH | 30 markah |

- (iv) Teknik Menyemak Rumusan
 -Semak rumusan anda dari segi :
 - (i) jumlah patah perkataan (tidak melebihi 120 patah perkataan)
 - (ii) kesalahan bahasa, iaitu tatabahasa, ejaan, dan tanda baca

Kerangka Rumusan

Pendahuluan

Rumusan membincangkan kepentingan-kepentingan amalan berbudi bahasa, kesan-kesan tidak mengamalkan nilai-nilai murni dan langkah-langkah memupuk amalan berbudi bahasa.(Dua Bahan = Pendahuluan + Fokus 1 + Fokus 2 + Fokus 3)

Isi-isi tersurat

Fokus 1 (Bahan 1) [Kepentingan-Kepentingan Amalan Berbudi Bahasa]

- menjadi tunjang negara mengekalkan keamanan.
- merupakan indikator yang paling utama dalam pembentukan sahsiah masyarakat moden kini.

- memungkinkan perbuatan rasuah dalam sistem pentadbiran tidak berlaku.
- mampu memanjangkan usia sesebuah tamadun manusia.
- membentuk masyarakat yang berkebolehan dan berpengetahuan.
- menjadi pewaris pembangunan negara.

Fokus 2 (Bahan 1) [Kesan-Kesan Tidak Mengamalkan Nilai-Nilai Murni]

- menyebabkan pemikiran masyarakat hanya bersumberkan nilai-nilai Barat.
- memungkinkan generasi muda tidak lagi mempunyai perasaan hormat kepada golongan yang lebih tua.

Fokus 3 (Bahan 2) [Langkah-langkah Memupuk Amalan Berbudi Bahasa]

- ibu bapa mendidik anak-anak sejak kecil tentang amalan berbudi bahasa.
- Ibu bapa mempraktikkan amalan berbudi Bahasa agar menjadi contoh dan teladan kepada anak-anak.
- Guru mengajar murid di dalam kelas tentang kepentingan amalan berbudi bahasa.

Kesimpulan

Kesimpulannya, amalan berbudi bahasa dalam kehidupan seharian perlulah diterapkan oleh semua pihak agar masyarakat sentiasa sejahtera dan harmoni. (Kesimpulannya + Tema + Cadangan + Kesan)

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

